



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**24 APRIL 2021 (SABTU)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**24 APRIL 2021 (SABTU)**

# PM: Peniaga tak beretika

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Tindakan segelintir pemborong atau peniaga yang tidak beretika mengambil kesempatan menaikkan harga barang keperluan pada musim tertentu secara sewenang-wenangnya, hanya membebankan pengguna.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan menyedari perbuatan tersebut dan usaha perlu dilakukan supaya dapat dibanteras dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

Menurut Perdana Menteri, kebelakangan ini banyak keluhan daripada rakyat mengenai dakwaan kenaikan

harga barang keperluan utama apabila datangnya bulan Ramadan dan musim perayaan tidak lama lagi.

“Kenaikan harga barang sudah tentu membebankan pengguna terutamanya golongan berpendapatan rendah, peniaga dan penjaja kecil.

“Tindakan kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bermula Rabu lalu adalah salah satu langkah menyekat kenaikan harga barang keperluan semasa bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri,” katanya.

**Bersambung di muka 2**

## PM: Peniaga tak beretika

Dari muka 1

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis amanat dan lawatan ke Enforcement Command Centre (ECC) KPDNHEP, di sini semalam.

Namun Muhyiddin tetap mahu KPDNHEP dan agensi kerajaan lain yang berkaitan berganding bahu mengambil langkah lebih proaktif dalam menangani isu tersebut dan melakukan pemantauan serta penguatkuasaan berterusan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Bank Negara Malaysia baru-baru ini mengunjurkan ekonomi negara akan berkembang dalam lingkungan enam hingga 7.5 peratus tahun ini.

Jelasnya, pemulihan aktiviti domestik yang stabil ditambah dengan peningkatan permintaan luaran, menjadi faktor asas yang mendorong keyakinan tersebut.

Bagi mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi tersebut, beliau berkata, kerjasama dari-

pada semua pihak amat penting bagi memastikan ekonomi negara terus berada pada lansasan yang tepat.

"Oleh yang demikian, saya berharap warga KPDNHEP akan terus memainkan peranan lebih efektif dalam mengawal selia sektor perdagangan dalam negeri.

"Ini terutamanya berkaitan dengan perdagangan pengedaran bagi memastikan program dan gerak kerja ekonomi negara sentiasa lancar dan dapat dirancakkan," katanya.



MUHYIDDIN Yassin (duduk, kiri) melihat bilik operasi Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

# PM mahu KPDNHEP proaktif kawal kenaikan harga barang

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bergandingan bahu bersama agensi kerajaan lain untuk mengambil langkah proaktif menangani isu kenaikan harga barang.

Perdana Menteri juga mahu pemantauan dan penguatkuasaan harga barangan dilaksanakan secara berterusan.

Katanya, kerajaan perlu memastikan aktiviti tidak beretika yang menekan dan membebani pengguna dapat dibanteras secara lebih menyeluruh serta berkesan, manakala rakyat juga digalak berperanan aktif menyuruhkan maklumat kepada pihak kerajaan.

"Kerajaan menyedari tindakan sebilangan pemborong atau peniaga yang mengambil kesempatan dengan sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan keperluan pada musim tertentu.

Nasional 2



Muhyiddin mendengar penerangan daripada Pengarah Penguatankuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azman Adam mengenai operasi Pusat Arahuan Penguatankuasaan (ECC) ketika lawatan ke KPDNHEP di Putrajaya, semalam. ECC berfungsi sebagai platform penyeliaan dan strategi penguatankuasaan secara digital bagi pengurusan maklumat yang strategik, mudah dicapai dan terkini.  
(Foto BERNAMA)

# Kenaikan harga barang bebankan pengguna

Dari Muka 1

"Sejak akhir-akhir ini, kita sering mendengar banyak keluhan rakyat mengenai dakwaan kenaikan harga barang keperluan utama apabila datangnya Ramadan dan kelak apabila menjelangnya musim perayaan.

"Kenaikan harga barang sudah tentunya membebankan pengguna, terutama golongan berpendapatan rendah, peniaga dan penjaja kecil," katanya menyampaikan Amanat Perdana Menteri sempena lawatan ke KPDNHEP dan Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) di sini, semalam.

ECC yang dulunya dikenali sebagai Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS) ditubuhkan pada 1 Januari 2016 sebelum ditukar nama kepada ECC pada 1 Jun 2019.

Ia berfungsi sebagai platform penyeliaan dan strategi penguasaan secara digital bagi pengurusan maklumat yang strategik, mudah dicapai dan terkini.

Pusat itu dilengkapi perisian dan peralatan canggih berkongseskan perkongsian maklumat dan tindakan berintegrasi, selain menjadi titik punca pejabat KPDNHEP negeri dan cawangan dalam aspek arahan, tindakan penguatkuasaan, pencegahan dan

risikan, selain pusat rujukan maklumat seperti perpustakaan digital kepada pejabat KPDNHEP negeri serta cawangan.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Timbalan Monteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Mutyiddin berkata, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bermula 21 April lalu adalah antara langkah diambil kerajaan untuk menyekat kenaikan harga barang

keperluan sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

SHMMP dilaksanakan selama 30 hari bermula Rabu lalu hingga 20 Mei ini, membabitkan 12 jenis barang daripada empat kategori iaitu ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

Keseluruhaninya lebih 30 barang akan dimasukkan dalam SHMMP Hari Raya Puasa 2021.

Dalam amanat beliau, Muhyiddin juga berkata, walaupun berlaku beberapa perubahan dari segi skop tugas, fungsi utama KPDNHEP selaku penjaga kepada sektor perdagangan dalam negeri serta kepentingan kekal dan menjadi semakin penting, terutama ke-

tika negara berhadapan situasi perubahan ekonomi global semasa.

Mengakui ia bukan tugas muadah, beliau yang pernah menerajui KPDNHEP dari 1999 hingga 2004, yakin kakitangan KPDNHEP sebagai petugas barisan hadapan pemuliharan ekonomi serta kesejahteraan pengguna akan terus teguh mendepani cabaran, sekali gus meneruskan perjuangan memenuhi keperluan rakyat.

Perdana Menteri mahu warga KPDNHEP terus berperanan lebih efektif dalam mengawal selia sektor perdagangan dalam negeri, terutama berkaitan perdagangan pengedaran bagi memastikan gerak kerja ekonomi negara lancar.

Harga ayam naik

# Tindakan undang-undang peniaga ingkar SHMMP

Peladang, pemborong serta peruncit sudah ditetapkan had harga

Oleh Rafidah Mat Ruzli dan Noor Atiqah Sulaiman  
[bhnews@bh.com.my](http://bhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Tindakan undang-undang akan mula diambil ke atas individu yang mengingkari penetapan harga ayam berdasarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) dilaksanakan sejak 21 April lalu, seiring berakhirnya tempoh menyesuaikan harga.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pelaksanaan harga barang itu dijalankan pada setiap peringkat bermula daripada peladang, pemborong dan peruncit.

"Harga maksimum sekilogram ayam yang ditetapkan pada peringkat peladang ialah RM5.80, pemborong RM7.10 dan diikuti peruncit pada RM7.90.

"Sekiranya pemborong menjual lebih mahal daripada RM7.10, ia melanggar peraturan dan tindakan undang-undang boleh diambil.

"Sekiranya semua pihak me-



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menandatangani plak sempena lawatan ke ECC dan KPDNHEP sambil disaksikan Alexander (kanan) dan Rosol (dua dari kanan) serta Hasnol Zam Zam di Putrajaya, semalam.

ngikut harga ditetapkan, tiada isu peruncit terpaksa menjual mahal sebab kita sudah hadkan harga di setiap lapisan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Amanat Perdana Menteri sempena Lawatan ke KPDNHEP dan Pusat Arahan Penguatuasaan (ECC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Laporan sebelum ini menyebut, ada peniaga enggan menurunkan harga ayam kerana apa yang ditetapkan kerajaan sama dengan yang diambil pemborong.

Mereka mendakwa, langkah kerajaan menyekat kenaikan harga ayam tidak bersifat menyeluruh, sebaliknya membunuh masa depan golongan peniaga yang terhimpit ketika ini.

Sementara itu, Alexander berkata, kementerian akan mengumumkan lebih 30 barang terkenal dalam SHMMP secara berperingkat.

# Banteras aktiviti peniaga tekan pengguna – PM

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** – Kerajaan perlu memastikan aktiviti para peniaga tidak beretika yang menekan dan membebankan pengguna dapat dibanteras dengan lebih menyeluruh serta berkesan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan menyedari tindakan sebilangan pemborong atau peniaga yang mengambil kesempatan dengan sewenangnya menaikkan harga barang keperluan pada musim-musim tertentu.

Beliau berkata, kenaikan harga barang sudah tentunya membebankan pengguna terutamanya golongan berpendapatan rendah, peniaga dan penjaja kecil.

"Sejak akhir-akhir ini, kita sering mendengar banyak keluhan daripada rakyat mengenai daka-waan kenaikan harga barang keperluan utama apabila datangnya bulan Ramadan dan kelak apabila menjelangnya musim perayaan."

"Tindakan pihak kerajaan me-



MUHYIDDIN (kanan) dan Alexander (tengah) semasa lawatan ke Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) di KPDNHEP, Putrajaya semalam.

lui KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bermula 21 April lalu adalah salah satu langkah menyekat kenaikan harga barang keperluan semasa bulan Ramadhan dan men-

jelang Hari Raya Aidilfitri kelak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat sempena lawatan ke Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) di kementerian itu semalam.

Turut hadir Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta

Lingga dan Timbalannya, Datuk Rosof Wahid.

ECC ialah sebuah platform penyeliaan dan strategi penguatkuasaan secara digital yang bertindak sebagai focus point kepada pejabat KPDNHEP negeri dan cawangan dalam aspek arahan, tindakan penguatkuasaan, pencegahan serta risikan.

Pendigitalan yang dibangunkan di ECC antaranya ialah sistem pemetaan mengandungi dashboard aduan, aktiviti penguat kuasa, data-data pemeriksaan dan lokasi-lokasi penting dalam peta negara.

Sementara itu, beliau mahu melihat KPDNHEP dan lain-lain agensi kerajaan berkaitan berganding bahu mengambil langkah lebih proaktif dalam menangani isu tersebut dan melakukan pemantauan serta penguatkuasaan secara berterusan.

"Pada masa sama, rakyat juga diseru memainkan peranan aktif untuk menyalurkan maklumat kepada pihak kerajaan," kata beliau.

# Banteras pihak tekan pengguna

Muhyiddin berjaminan kerajaan ambil tindakan terhadap aktiviti menindas pengguna

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

PUTRAJAYA

**K**erajaan akan memastikan aktiviti tidak bereti menekek dan membebankan penguna berkaitan harga barang keperluan dibanteras dengan lebih menyeluruh.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan agensi kerajaan berkaitan perlu berganding bahu

mengambil langkah lebih proaktif menangani isu berkenaan.

"Melakukan pemantauan serta penguatkuasaan yang berterusan," katanya ketika menyampaikan amanat kepada kakitangan KPDNHEP di sini pada Jumaat.

Muhyiddin berkata, kerajaan menyedari tindakan sebilangan pemborong atau peniaga yang mengambil kesempatan dengan sewenang-wenangnya menaikkan harga barang keperluan pada musim tertentu.

"Sejak akhir-akhir ini, kita sering mendengar keluhan daripada rakyat mengenai dakwaan kenaikan harga barang keperluan utama apabila datangnya bulan Ramadhan dan menjelangnya musim perayaan.

"Kenaikan harga barang sudah tentunya membebankan pengguna terutamanya golongan berpendapatan rendah, peniaga dan penjaja kecil," katanya.

Muhyiddin berkata, tindak-



Muhyiddin melakukan pemeriksaan berlansang pegawai pengawal kuasa semasa mengadakan lawatan kerjanya ke Pusat Arahan Penguatkuasaan KPDNHEP di Putrajaya pada Jumaat.

an kerajaan melalui KPDNHEP melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan pada Rabu adalah salah satu langkah menyekat kenaikan harga barang keperluan semasa Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

Beliau turut menyeru agar rakyat memainkan peranan aktif untuk menyalurkan maklumat kepada kerajaan.

Muhyiddin dalam ucapannya berkata, agenda pemulihan ekonomi akan diteruskan.

"Wawasan Kemakmuran

Bersama (WKB) 2030 diletakkan sebagai paksi dasar untuk memastikan rakyat mencapai taraf hidup yang lebih baik menjelang tahun 2030," katanya.

Dalam perkembangan berlainan, Perdana Menteri berkata, kerajaan Perikatan Nasional (PN) akan terus menerapkan langkah-langkah yang tepat bagi mencapai keseimbangan di antara melindungi nyawa dan mata pencarian rakyat yang terjejas oleh pandemik Covid-19.

Tegas beliau, Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan Covid-19 yang menjadikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta ekonomi negara.

"Di bawah pentadbiran kerajaan PN yang prihatin, yang mana saya selaku Perdana Menterinya, kita akan melakukan segala upaya untuk menghidupkan kembali ekonomi dan mengembalikan rakyat kita ke pasaran kerja," katanya.

AMID PANDEMIC

# PM: ECONOMIC RECOVERY WILL CONTINUE

'Besides NIP and stimulus packages, govt has outlined 10 foundations to chart nation's future'

ADIB POVERA  
PUTRAJAYA  
news@nst.com.my

THE government will continue with its economic recovery agenda amid the backdrop of a promising future this year following the rolling out of the National Covid-19 Immunisation Programme (NIP).

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said in addition to the NIP and various economic stimulus packages, the government had also outlined 10 important foundations to chart the country's future.

These foundations, he said, en-

compassed the core of economic recovery, stimulating economic growth, education, reforming the health sector, Bumiputera agenda, food security, integrity, public safety and security, unity, as well as the digitalisation of Malaysia.

"For this purpose, the Shared Prosperity Vision 2030 has been set as the policy benchmark aimed at achieving a decent standard of living for the people by 2030."

"I was also informed that the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry recently launched its own Five-Year Strategic Planning document for 2021 until 2025, which focuses on domestic trade development that is progressive, sustainable and empowers consumers."

"I hope the initiatives that will be implemented under this strategic plan will benefit all quarters, especially stakeholders in the domestic trade sector," he said during a visit to the ministry's headquarters here yesterday.

The prime minister was upbeat that Malaysia was on the right



Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin listening to a briefing by Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam on the Enforcement Command Centre during a visit to the ministry's headquarters in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

path towards rejuvenating the economy, driven by the economic sectors and activities, most of which have been allowed to resume operations.

Apart from the implementation of the NIP to establish herd immunity against Covid-19, Muhyiddin said the government had also rolled out several economic stimulus packages to alleviate the economic challenges unleashed by the pandemic.

He said these included the Strategic Programme for Empowering the People and the Economy (Pemerkasa) initiative valued at RM20 billion, which is an extension of other economic stimulus packages, including the Prihatin Rakyat Economic Stim-

ulus Package (Prihatin), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana), the Prihatin Supplementary Initiative Package (Kita Prihatin) and the Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai) assistance package.

"I hope the economic stimulus packages valued at RM300 billion or 20 per cent of the country's gross domestic product will help to lessen the burden of the people and support business sustainability, subsequently helping the economic recovery process of the country."

The pandemic, he said, made many nations, including Malaysia, realise that they must break away from doing things in the traditional manner.

"It is no longer business as usual. This is the time for the creation of new ideas that are more innovative. Among the measures to hasten the country's economic process is through the adoption of new technology."

"Hence, the MyDigital plan and the Malaysia Digital Economy Blueprint were introduced, which, among others, will drive the economic transformation in the public sector."

"To ensure the smooth implementation of the blueprint, the government has allocated RM21 billion over the next five years under the National Digital Network (Jendela), which serves as a platform to accelerate the nation's digital connectivity."

## Muhyiddin urges ministry to take proactive measures to protect consumers

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry must work closely with other agencies and introduce proactive measures in addressing matters that involve errant traders, who hike up prices of goods during festive seasons.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said he also wanted frequent monitoring and continuous enforcement so that price hike issues could be resolved in a comprehensive and effective manner, subsequently protecting consumers.

Muhyiddin also called on the people to play an active role in assisting the government to address the issue by providing information about traders suspected of hiking prices of goods to the authorities.

The government is aware of the actions taken by certain wholesalers or traders, who take advantage of the festive season to

hike the prices of goods sold on their premises.

"Of late, on many occasions, we heard complaints from the people about (traders) hiking up prices of necessities during Ramadan and when the festive season arrives.

"The increase in prices of goods (if left unchecked) will burden the consumers, especially the low-income group, as well as small traders and hawkers," he said in his message during a visit to the ministry's headquarters here yesterday.

Present were Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi and his deputy, Datuk Rosol Wahid.

Muhyiddin also visited the ministry's Enforcement Command Centre in the same building.

He stressed that the Perikatan Nasional government was con-

cerned about the issues affecting the people. This, he said, was reflected in the measures introduced by the government through the ministry to address issues involving traders raising the prices of goods, including the Festive Season Maximum Price Control Scheme, which is being enforced from April 21 until May 20.

Muhyiddin, who had once served as the domestic trade and consumer affairs minister from 1994 to 2004, acknowledged that the ministry played a significant role to ensure that distributive trade activities were not affected by the Covid-19 pandemic, especially during the preliminary stages of the implementation of the Movement Control Order in March last year.

"The ministry has successfully resolved issues involving panic buying and ensured that there was sufficient supply of neces-

sary goods, face masks and hand sanitisers.

"I also appreciate the efforts by the ministry to continue providing assistance to the business community. I am told that the ministry is improving the processes and requirements in relation to 'Ease of Doing Business'. Such measures will produce positive outcomes in the short and long term."

Muhyiddin also welcomed all programmes implemented by the ministry in stimulating economic growth.

The Buy Malaysia Products Campaign and the Malaysia (Mega) Sales Programme held to boost spending and local economic activity, he said, had yielded great outcomes with the distributive trade sector registering sales value of RM1.248 trillion last year.

"This clearly proves that the implementation of the targeted

approach by the government can help in the recovery of the economy to the level before the pandemic hit the country."

As the custodian of the domestic trade and consumer affairs in the country, Muhyiddin said, the ministry must continue to play an important role, not only to regulate the sector but also to ensure the smooth implementation of programmes and activities to boost the economy.

"Bank Negara Malaysia recently projected that the economy is expected to expand between six and 7.5 per cent this year.

"This will depend on a number of fundamental factors such as the recovery of domestic activity, coupled with increased external demand."

"To achieve the economic growth target, cooperation from all parties is important to ensure our economy continues on the right track."

## Consumer affairs in good hands

By MAZWIN NIK ANIS  
mazwin@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** A visit to the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry brought back memories for Tan Sri Muhyiddin Yassin as it is one of the many ministries he previously helmed before taking on the country's top job.

As far as consumer affairs go, he was the minister in charge from 1999 to 2004, with his legacy including rolling out the mechanism to fix the ceiling price for essential goods during festivities.

Touching on the subject in his official visit to the ministry here yesterday, he said authorities were aware of moves by certain wholesalers and traders to hike prices indiscriminately during festivities, adding that enforcement authorities should collaborate to tackle this issue.

"We must ensure that unethical practices that burden consumers be stopped in a more comprehensive and effective manner."

"At the same time, consumers must know their rights and play their role to help authorities act against unscrupulous businesses," he said during the visit hosted by Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi and his deputy Datuk Rosol Wahid.

Muhyiddin said indiscriminate hikes in prices, particularly during festivities, will only burden the people, especially the low-income



group and petty traders, adding that this was why the ministry implemented the ceiling price scheme so that such acts could be prevented.

The Prime Minister said while there were changes to the ministry's job scope over the years, it had remained custodian of the domestic trade sector and consumerism.

"I am confident of your commitment, as civil servants, to provide the best service to the people, including preventing the spread of Covid-19 and ensuring economic activities remain smooth during the pandemic," he said.

Muhyiddin commended the min-

istry for its handling of the panic buying situation involving essential goods, face masks and hand sanitizers with the onset of the movement control order in March last year, and for ensuring that goods remained sufficient.

The Prime Minister also noted the ministry's efforts to boost the economy through several initiatives such as "Buy Malaysian Products" and mega sales that generated sales of RM1.24 trillion last year.

Muhyiddin said 2021 promised a better future with the National Covid-19 Immunisation Programme in place, which was key to fighting

the virus.

"We will also continue with economic recovery efforts."

"The government has identified 10 important points that will determine the way forward for the country," he said, adding that Shared Prosperity Vision 2030 will be the central policy to ensure Malaysians attain decent living standards by 2030.

Watch the video  
[TheStarTV.com](http://TheStarTV.com)



**Keeping updated:**  
Muhyiddin at the Enforcement Command Centre (ECC) during a visit to the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry in Putrajaya.  
— Bernama

# 'Time to follow price list'

## No excuse for traders not to, says Nanta as enforcement starts

**PUTRAJAYA:** After allowing traders a few days to adjust, action awaits those who fail to comply with the price control list that is in effect throughout Ramadan and for the Hari Raya Aidilfitri celebration, says Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Traders were given two or three days to adjust the pricing and to clear old stock.

"Based on previous experience, this is the number of days that traders need to make the adjustments.

"But now it is time for them to follow the price list and there is no excuse for them not to," he said after a visit by Prime Minister Tan

Sri Muhyiddin Yassin to the ministry yesterday.

Earlier this week, the ministry announced that the ceiling price scheme for Hari Raya Aidilfitri will be for 30 days beginning April 21 to May 20.

Asked on claims by chicken retailers that they were unable to stick to the maximum price as directed by the ministry due to the high cost imposed by wholesalers, Nanta said this should not be the case as the price control is also enforced on chicken farmers and wholesalers.

"If chicken retailers claim that the price imposed by wholesalers is high, that means the latter are not

following the price control scheme and action will be taken against them if it is found to be true," he said.

The minister also said that more items would be included in the price control list if authorities feel there is a need for it, adding that there is a possibility the list could reach up to 30 items, with 12 already announced on April 19.

"We will announce additional items where ceiling price will be imposed."

"But for now, there is no pressure to do so because existing prices are under control," he said.

Nanta was asked on calls for the ministry to add more items to the

price control list to ease the people's burden following a spike in prices of essential goods and food items, particularly ahead of the Hari Raya festivities.

The items that are already listed as price control are chicken eggs, live chicken, standard chicken (cleaned with head, feet and offal) and super chicken (cleaned without head, feet and offal), mackerel (kembung), island mackerel (mambung), scad (selar) and mackerel tuna (tongkol).

Maximum price has been fixed for local beef in Peninsular Malaysia and Sabah while the price for imported buffalo meat has also been fixed, except for Sarawak.

HARI : SABTU  
TARIKH : 24/4/2021  
M/SURAT : 1



# Jual daging beku dilembutkan antara helah naikkan harga

**Melaka:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mendedahkan pelbagai helah peniaga daging untuk menaikkan harga jualan, termasuk 'melembutkan' daging beku sebelum dijual sebagai 'daging segar'.

Pengaruhnya, Norena Jaafar, berkata perkara itu dikesan pihaknya dalam pemantauan di Pasar Besar Melaka di sini, semalam.

"Dalam pemantauan tadi (semalam), kita dapat ada peniaga menjual daging kerbau pada harga RM22 sekilogram berbanding harga ditetapkan, iaitu RM20.

"Alasan diberi ialah dia sudah 'melembutkan' daging kerbau itu yang asalnya daging kerbau beku.

"Pegawai penguat kuasa sudah memberi amaran dan sekiranya berulang, tindakan kompaun atau denda akan dikenakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melaksanakan pemantauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021 di pasar berkenaan, semalam.

Beliau turut menasihati pe-

niaga supaya bijak dalam memilih pemborong bagi memastikan bekalan diperoleh pada harga rendah.

"Ada penjual ayam beri alasan terpaksa menaikkan harga sebab mendapatkan bekalan daripada pemborong atas pemborong dan juga faktor sudah kenal lama pemborong.

"Penjual sepautnya boleh cari alternatif dengan mendapatkan bekalan lebih murah daripada peladang atau pemborong lain, dan mereka perlu bertimbang rasa dengan pengguna yang tertekan dengan kenaikan harga barang." katanya. BERNAMA

Penjual sepautnya boleh cari alternatif dengan mendapatkan bekalan lebih murah daripada peladang atau pemborong lain, dan mereka perlu bertimbang rasa dengan pengguna yang tertekan dengan kenaikan harga barang

Norena Jaafar,  
Pengarah  
KP DNHEP  
Melaka



## Beri alasan lembutkan daging naikkan harga

**MELAKA** - Segelintir peniaga daging kerbau import memberi alasan terpaksa melembutkan daging sejuk beku terlebih dahulu sebelum menjualnya menyebabkan mereka menaikkan harga kepada RM22 sekilogram berbanding harga terkawal RM20.

Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Ismail berkata, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana ia daging dari India dan bukannya daging segar.

Menurutnya, daging sejuk beku adalah murah berbanding daging segar

namun peniaga beri alasan nak lembutkan daging seperti daging segar dan tindakan ini tidak munasabah.

"Kita telahpun memberi amaran, sekiranya berulang lagi peniaga akan berdepan tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya pada sidang akhbar selepas pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 di Pasar Awam Bachang, di sini pada Jumaat.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Norena Jaafar berkata, semua barang terkawal mencukupi dan pihaknya tidak menerima sebarang aduan mengenai kenaikan harga barang.

Menurutnya, dalam keadaan ekonomi semasa, peniaga perlu bijak mendapatkan bekalan jualan dari pemborong yang menawarkan harga lebih murah agar tidak membebani pengguna.

"Misalnya ada penjual ayam beri alasan terpaksa naikkan harga sebab dia mendapatkan bekalan dari pemborong atas pemborong dan mengenali pemborong itu.

"Penjual sepatutnya boleh mencari alternatif lain dengan mendapatkan bekalan lebih murah daripada pemborong lain," katanya.

Tambahnya, kegagalan mematuhi akta tersebut boleh dikenakan kompaun sehingga RM5,000 atau denda RM10,000 bagi individu manakala syarikat didenda sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000.



Ismail (kanan) dan Norena (dua dari kanan) ketika membuat pemeriksaan SHMMP 2021 di Pasar Awam Bachang pada Jumaat.

# Lebih 30 item bakal disenarai bawah SHMMP 2021

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan bakal menyenaraikan lebih 30 barang lagi di bawah Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 dalam masa terdekat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, lebih 30 barang dikenal pasti bakal dimasukkan dalam skim tersebut termasuk 12 item yang ditetapkan harga pada paras siling berkuat kuasa 21 April hingga 20 Mei ini.

Menurut beliau, tindakan skim kawalan harga secara berfasa itu adalah berdasarkan situasi tekanan keperluan barang tersebut yang hanya berlaku pada tempoh tertentu.

Katanya, ia sekali gus, memberi keadilan kepada peniaga untuk menjual barang mengi-

kut harga pasaran iaitu tidak terikat kepada kawalan harga.

“Kalau nak sekar barang-lain sekarang pun tidak ada keperluan dan memberi masalah pula kepada peniaga. Kita prihatin kepada pengguna dan peniaga selain tidak dilaksanakan secara tergesa-gesa.

“Sebab itu kita perkenalkan 12 item ini terlebih dahulu dan kemungkinan terdapat sehingga 33 item lain diikutkuaskan kemudian,” kata beliau pada sidang

akhbar selepas menghadiri Majlis Amanat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di KPDNHEP di sini semalam.

Dalam pada itu, Alexander berkata, tiada lagi kompromi terhadap mana-mana peniaga yang ingkar harga siling di bawah SHMMP 2021 dan sebarang alasan tidak akan diterima.

“Penguatkuasaan sepatusutnya bermula 21 April lalu, tetapi sehari dua ini kita bagi peluang kepada peniaga untuk menyesuaikan dengan harga yang ditetapkan. Kalau

ada stok lama sekali pun, dua hari ini sudah habis,” katanya.

Beliau turut memberitahu, terdapat rungutan peniaga tidak dapat mengikuti harga yang ditetapkan kerana memberikan alasan mendapat bekalan daripada pemborong pada harga tinggi.

Sedangkan, kata beliau, pihaknya menetapkan skim harga kawalan itu di setiap peringkat iaitu di peringkat pelabuh, pemborong dan peruncit, dan kesemua pihak mendapat margin keuntungan masing-masing.

“Contohnya, harga ayam standard di peringkat ladang RM5.80, pemborong RM7.10. Jadi kalau peruncit beli daripada pemborong mahal melebihi harga tersebut, pemborong itu

telah melanggar peraturan dan boleh dikenakan denda.

“Jadi tidak berlaku situasi peruncit membeli mahal daripada pemborong kerana kita sudah hadkan paras harga di setiap la-pisan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, sebanyak 4,411 pemeriksaan dilakukan di premis di seluruh negara dan hasil pemeriksaan itu mendapati terdapat empat aduan selain satu tindakan kes.

Katanya, pihaknya meneruskan pemeriksaan dan penguatkuasaan dipertingkatkan lagi untuk memastikan pematuhan terhadap harga ditetapkan di semua peringkat termasuk pemborong.

**ALEXANDER** Nanta Linggi bercakap pada sidang akhbar selepas Majlis Amanat Perdana Menteri KPDNHEP di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA



## KPDNHEP tambah sehingga 33 jenis barang terkawal sempena Aidilfitri

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menambah sekurang-kurangnya sehingga 33 jenis barang bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya belum mengumumkan penambahan barang itu kerana belum ada lagi tekanan terhadap barang-barang tersebut.

"Kita kena adil juga kepada peniaga, kita (kena) bagi mereka peluang. Kalau kita sekat dari sekarang, itu (akan) jadi masalah pada peniaga juga," katanya dalam sidang akbar di kementeriannya selepas amanat Perdana Menteri pada Jumaat.

Alexander berkata lagi, kementeriannya prihatin kepada semua pihak iaitu kepada pengguna dan peniaga.

"Dah jelas dalam pengumuman hari pertama 12 jenis barang ini dulu dan selepas itu kita kenal pasti sehingga 33 barang," katanya.

Beliau turut meminta agar semua peniaga mematuhi senarai harga barang yang telah ditetapkan di bawah



ALEXANDER

SHMMP Hari Raya Puasa 2021 bagi mengelak dikenakan tindakan penguasaan.

"Skim ini dilaksanakan di semua peringkat iaitu pengeluar, pemborong dan peruncit. Harga ayam dijual dengan harga RM7.10 di peringkat borong dan jika ada yang jual lebih daripada harga tersebut...tindakan akan dikenakan," katanya.

Pada Isnin lalu,

Alexander berkata, pihaknya mengenal pasti sebanyak 12 jenis barang bagi pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2021.

Alexander berkata, barang harga terkawal itu terdiri daripada ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

Bagaimanapun, bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub selepas itu tampil mempersoalkan jumlah barang kawalan yang disenaraikan oleh KPDNHEP sempena musim perayaan Aidilfitri.

Salahuddin berkata, kerajaan boleh melakukan yang lebih baik berkenaan bilangan barang terkawal untuk membantu rakyat sekiranya menteri berkitan menggunakan kuasa yang ada dengan sebaiknya.

KPDNHEP tambah barang dari semasa ke semasa ikut keperluan pengguna

## 20 lagi item dimasukkan dalam SHMMP

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** — Senarai 12 jenis barang di bawah Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 yang diumumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak bersifat kekal.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bilangan barang dalam senarai tersebut akan ditambah dari semasa ke semasa menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti.

Beliau berkata, terdapat kira-kira 20 jenis barang lain akan ditambah di bawah SHMMP Hari Raya Puasa 2021 menjadikan keseluruhan barang termasuk senarai sedia ada berjumlah lebih 30 item setakat ini.

Kementerian akan meng-



ALEXANDER

umumkan tambahan barang lain lagi yang berkemungkinan (menjadikannya) 32 ke 33 barang secara keseluruhannya.

"Memang lebih daripada 30 barang yang dikenal pasti termasuk 12 daripadanya yang telah diumumkan sebelum ini," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian amanat Perdana Menteri, Tan Sri Mu-

yiddin Yassin di KPDNHEP di sini semalam.

Alexander mengulas kenyataan bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub yang mempersoal SHMMP Hari Raya Puasa 2021 yang didakwa menyenaraikan 12 barang sahaja.

Mengulas lanjut, Alexander memberitahu, senarai itu masih belum diumumkan kerana tiada tekanan terhadap harga barang tersebut buat masa ini.

"Kementerian tidak tergesa-gesa untuk berbuat demikian dengan mengambil kira nasib golongan peniaga.

"Kita (kerajaan) kena berlaku adil kepada peniaga dan memberi mereka peluang sebab kalaupun sekat dari sekarang ketika tiada keperluan, ia akan mendatangkan masalah kelak," katanya.



AYAM merupakan sebahagian daripada barang mentah yang termasuk dalam senarai SHMMP Hari Raya Puasa 2021 yang bermula Rabu lalu.

FESTIVE PRICE CONTROLS

# MORE ITEMS TO BE ADDED TO PRICE CONTROL SCHEME

Expanded list of more than 30 items will be announced soon, says minister

## PUTRAJAYA

THEIR will be more than 30 items listed under the Festive Season Maximum Price Control Scheme for Hari Raya Aidilfitri, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said the additional list of items would be announced soon.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry had previously announced a list of 12 items in four categories — chicken, chicken eggs, meat and seafood — under the scheme, which will be implemented for 30 days from April 21.

"The additional items have not been announced yet because there is no pressure to do so.

"We want to be fair to traders... if it is announced early but there is no demand, it will give them (traders) problems," he



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement officers checking the price of chicken at a supermarket in Shah Alam on Thursday. PIC BY FAIZ ANUAR

said after Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's visit to the ministry and the Enforcement Command Centre, here yesterday.

Nanta reminded traders to follow the price control scheme to avoid any action being taken against them.

"This scheme is implemented at all levels, from manufacturers to wholesalers and retailers," he said.

On Muhyiddin's visit, Nanta said the prime minister had suggested improvements to the ministry in addressing the needs of traders and consumers.

"The ministry's focus is addressing three main issues — sufficient supply of goods at stable prices, which includes panic buying by consumers; the supply of masks and the country's economic recovery," he said.

**Bernama**

# Takut disaman, peniaga akur harga kawalan

Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengugut untuk mengenakan saman terhadap peniaga yang ingkar Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2021 (SHMMP) membuatkan mereka akur.

Tinjauan *Utusan Malaysia* semalam mendapati, rata-rata peniaga menjual 12 barang yang disenaraikan di bawah SHMMP termasuk ayam dan daging tempatan mengikut harga kawalan.

Di Pasar Selayang Baru, Selayang, Selangor, peniaga menjual ayam pada harga RM7.90 sekilogram manakala harga daging tempatan dijual RM28 dan RM34 sekilogram mengikut jenis seperti disyorkan SHMMP.

Seorang peniaga, Wilda, 29, berkata, dia tiada pilihan kecuali mengikuti harga ayam yang ditetapkan walaupun sebelumnya menjual dengan harga yang agak tinggi berbanding harga disyorkan.

"Sebelum ini mereka (penguat kuasa) ada turun dan edarkan kertas senarai harga kawalan kepada peniaga di pasar ini. Kalau hendak fikirkan rugi, memang ada tetapi itu harga kawalan, jadi memang perlu ikut," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohamad Khairil Anwar, 28, berkata, mereka terpaksa akur dengan harga SHMMP walaupun tidak mendatangkan untung.

"Sekarang, jual RM34 (sekilogram) daging pun tak dapat apa kerana lembu mahal. Han-



TINJAUAN harga ayam di Pasar Moden dan Medan Selera Selayang baru, di Selayang semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

ya boleh pusing modal sahaja," katanya.

Di Melaka, Pengarah KPDNHEP negeri, Norena Jaafar berkata, pematuhan peniaga di Pasar Besar Awam Melaka terhadap pelaksanaan SHMMP 2021 mencapai tahap 90 peratus.

Menurut beliau, 10 peratus lagi yang ingkar hanya berkaitan kegagalan peniaga memperkenalkan harga barang kawalan menggunakan tag berwarna merah jambu.

Katanya, masih terdapat segelintir peniaga yang cuba memanipulasi peletakan harga siling dengan memberikan pelbagai alasan tidak munasabah.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kebanyakan peniaga mematuhi harga disyorkan melalui SHMMP.

Katanya, penguatkuasaan pemantauan harga kawalan dijalankan secara aktif terutama di sekitar Lembah Kelang, tetapi pihaknya masih lagi dalam proses mendidik peniaga.

"Bermula hari ini (semalam), kita memang sudah tidak bagi muka, tetapi semuanya masih di atas budi bicara. Budi bicara juga perlu ada batas kerana kita pentingkan pengguna."

"Kita ada jumpa kes yang jual lebih (daripada harga kawalan), tetapi masih lagi

dalam budi bicara penguatkuasa untuk menasihat dan kita harap mereka tidak ambil kesempatan.

"Sehingga pukul 2 petang (semalam), hanya seorang peniaga di Miri, Sarawak dikenakan kompaun RM100 kerana tidak meletakkan tanda harga, tetapi kita syak mungkin kerana ada hasrat untuk naikkan harga," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, akbar ini melaporkan KPDNHEP akan terus mengeluarkan notis saman terhadap mana-mana peniaga yang mengingkari skim SHMMP selepas memberi masa tiga hari untuk mereka menghabiskan stok lama.

## Ada pasar raya masih jual ayam mahal

**SHAH ALAM:** Sebuah pasar raya di Seksyen 7 di sini semalam dikesan masih menjual ayam melebihi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2021 (SHMMP).

Tinjauan mendapati, peniaga di pasar raya tersebut menjual sekilogram ayam standard pada harga RM8.60 berbanding RM7.90 seperti ditetapkan dalam

SHMMP.

Selain ayam, didapati pasar raya itu menjual ikan kembung pada harga RM21 sekilogram berbanding RM13 yang disyorkan.

Kelman, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Selangor menerima satu aduan berhubung peniaga yang menjual barang

melebihi harga disyorkan kerajaan.

Pengaruhnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, aduan orang awam itu diterima lewat petang melibatkan seorang peniaga di Pasar Seksyen 16 di sini.

"Awal pagi tadi (semalam) kita bertemu dengan peniaga terabit untuk menjalankan siasatan.

Peniaga terabit mendakwa terlepas maklumat berhubung harga kawalan diumumkan kerajaan.

"Siasatan kemudian mendapati peniaga terabit hari ini (semalam) telah mengikut harga kawalan seperti ditetapkan kerajaan," kata beliau kepada *Utusan Malaysia*.

## Minyak masak pula dijual mahal

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI  
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Selepas kecoh kenaikan harga keperluan dapur terutama ayam dan daging baru-baru ini, kini pengguna berdepan pula dengan kenaikan harga minyak masak sehingga mele过asi RM30 untuk botol seberat lima kilogram (kg).

Kenaikan itu dikesan bermula awal tahun ini namun semakin ketara ketika menjelang Ramadan dan dijangka berlarutan sepanjang sambutan Aidilfitri.

Ia bermula dari sekitar RM18.70 sebotol dan meningkat kepada RM22.90 sejak dua bulan lalu dan kini di sesetengah kawasan mencecah RM33.50.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Seri Dr. Jacob George berkata, pihaknya menerima aduan berhubung kenaikan harga minyak masak terutama di Pulau Pinang, Pahang dan Perak.

**Bersambung di muka 10**

## Minyak masak pula dijual mahal

### Dari muka 1

"Hasil pemantauan, kami mendapati kenaikan berlaku antara tiga sehingga lima peratus iaitu sehingga RM3 sebotol berbanding harga sebelum ini. Apa yang kita sedar, kenaikan berlaku sebaik sahaja masuk bulan Ramadan."

"Kenaikan ini berkemungkinan berlaku akibat pembelian panik melibatkan golongan peniaga serta pembuat kuih yang menerima tempahan menjelang musim perayaan," kata-nya semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pemantau Persatuan Pengguna Negeri Kedah (Cake), **Mohd. Fauzi Sharip** berkata, pihaknya mendapati kesemua syarikat pengeluar minyak masak dalam botol tersebut menaikkan harga kira-kira RM2.50 sebotol.

"Syarikat-syarikat pengeluar minyak masak dalam botol boleh menaikkan harga sesuka

hati kerana ia tidak termasuk dalam Program Skim Rasio-nalisasi Harga Minyak Masak (COSS)," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di sebuah pasar raya besar di Alor Setar, Kedah, mendapati, harga minyak masak dalam botol bersaiz lima kilogram dijual antara RM24.89 hingga RM32.25 sebotol.

Di kedai-kedai runcit pula minyak masak tersebut dijual antara RM25 hingga RM33.50 sebotol.

Sementara itu di **George-town**, Pulau Pinang, tinjauan mendapati harga minyak masak botol lima kilogram kini dijual sehingga mencecah RM29 di pasar raya besar.

Seorang pengguna, **Aishah Bee Rahim**, 38, berkata, harga minyak botol naili mendak sejak beberapa minggu lalu iaitu sebelum umat Islam menuaikan ibadat puasa.

Menurutnya, harga mengi-

kut jenama minyak masak lima kilogram naik daripada RM22.99 sejak dua bulan lalu mencecah sehingga RM29 ketika ini.

"Kami pengguna turut ter-sepit dengan isu kenaikan harga barangan keperluan apatah lagi ketika di bulan Ramadan. Belum habis lagi isu ayam dan daging lembu tempatan, kali ini minyak pula," katanya ketika dijumpai di sini.

Seorang peniaga ayam goreng, **Rizal Hazril**, 46, memberitahu, melihat situasi yang berlaku, dia memilih membeli minyak masak paket daripada botol.

Sebagai peniaga yang banyak menggunakan bahan itu katanya, dia terpaksa beralih kepada minyak paket walaupun sering kehabisan dan hanya boleh dibeli dalam jumlah yang terhad di kedai-kedai.

"Tetapi untuk langkah berji-mat-cermat dan mengelak kerugian, saya terpaksa mencari minyak masak paket kerana

lebih murah dan berbaloi jika dibandingkan dengan minyak masak botol lima kilogram yang harganya kini mencecah sehingga RM26 hingga RM29," ujarnya.

Di **Batu Gajah**, Perak, kenaikan harga minyak masak botol bagi berat lima kilogram pula dijual sehingga RM29 sekali guna membantah pengguna dan peniaga.

Seorang peniaga, **Nur Julian-na**, 25, berkata, berikutnya itu, peniaga runcit seperti tidak lagi menerima bekalan minyak masak seperti biasa meskipun mendapat permintaan tinggi daripada pembeli.

"Minggu lalu kami kehabisan stok minyak masak dan kami hanya menerima stok baharu minyak masak pada Rabu lepas.

"Selalunya kami mengambil 30 kotak minyak masak berpaket daripada pembekal tetapi sekarang kami hanya dapat 15 kotak sahaja," ujarnya.

Seorang peniaga kedai run-cit, **Nur Hazawani Zabidi**, 22,

berkata, harga minyak masak yang naik sehingga RM29 bagi botol lima kilogram berbanding RM27.90 sebelum ini membenarkan peniaga seperti dirinya.

"Bagi minyak masak berpaket, kami hanya boleh dapat untung kasar dalam 20 sen sahaja. Berikutnya harga minyak masak yang naik, ini menjelaskan perniagaan kami yang perlu membayar bil utiliti seperti sewa, air, elektrik dan upah pekerja," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), **Mohd. Yusoff Abdul Rahman** berkata, pengguna perlu bertindak dengan melapor kes berkaitan kenaikan kepada pihak berkusa dengan kadar segera.

Menurutnya, walaupun minyak masak botol 5 kilogram bukan barang kawalan dan bersubsidi, kenaikan mendadak tidak sepertutnya berlaku pada masa kini.

# Pengedar 'tekan' pelanggan, enggan jual tunai

Dari Muka I

Ini kerana pengeluar motosikal jenama popular keluaran Jepun dikatakan hanya membayar komisyen kira-kira RM1,000 se-unit untuk jualan tunai, menyebabkan pengedar jenama itu cenderung menjualnya secara bayaran ansurans atau kredit.

Ada pengedar didapati menolak pelanggan membeli motosikal pilihan mereka secara tunai dengan alasan ketidaaan stok atau jentera diidamkan akan lewat diperoleh kerana perlu menunggu giliran tempahan yang panjang.

Tinjauan di Alor Setar mendapati, ada penjual 'menekan' pelanggan supaya mengikut syarat ditetapkan mereka jika ingin membeli motosikal diidamkan.

"Kita fokus pelanggan sanggup hutang dan ikut kita punya law (peraturan)," kata jurujual sebuah kedai menjual motosikal ketika ditemui di pinggir bandar ini.

Syarat itu ditetapkan ketika wartawan BH bertanyakan mengenai harga jualan tunai bagi jenama motosikal popular seperti Yamaha Y16ZR, Y15ZR dan NVX155 yang mendapat sambu-

tan hangat ketika ini.

Jurujual terbabit menjelaskan, model Y16ZR dan NVX155 hanya boleh dijual secara kredit berikutkan stoknya terhad, selain pelanggan perlu menunggu antara tiga hingga enam bulan bagi mendapatkan.

Bagaimanapun katanya, model Y15ZR boleh dibeli secara tunai pada harga RM9,300 se-buah, namun perlu menunggu sehingga semua pembeli secara kredit mendapat motosikal masing-masing.

"Model Y16ZR tidak boleh jual secara tunai. Kalau mahu beli, pelanggan kena bayar deposit RM4,500 dan bayar ansurans bulanan sebanyak RM306 selama tiga tahun.

"Model Y15ZR boleh jual tunai, tetapi kena tunggu giliran selepas semua pembeli hutang dapat motosikal dulu," katanya.

Difahamkan, bagi model Y15ZR pembeli harus membayar deposit RM4,500 dan bayaran bulanan adalah RM256 selama tiga tahun.

Ini menjadikan model Y16ZR yang harga disyorkan iaitu RM10,888 ketika pelancarannya, menjadi RM15,516 termasuk faedah, manakala harga model

Y15ZR 2021 yang diumumkan iaitu RM8,168, menjadi RM13,716.

Kebanyakan pengedar dikatakan menyediakan kemudahan kredit syarikat sendiri atau menggunakan pembayaran daripada institusi kredit lain.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, turut mengakui wujudnya aktiviti jualan motosikal yang menyukarkan pengguna membeli kenderaan itu secara tunai.

Rosol menegaskan, kementerian sedang memantau kegiatan itu berdasarkan aduan diterima pihaknya dan tidak menolak kemungkinan wujud pakatan di antara syarikat pengedar motosikal dengan syarikat pembelian kredit.

Sementara itu, tinjauan di ibu kota mendapati beberapa pengedar motosikal masih memberi pilihan kepada pelanggan untuk membeli secara tunai atau ansurans.

Berdasarkan tinjauan premis di Jalan Raja Laut, Sungai Besi, Setapak, Bandar Sri Permaisuri dan Jalan Ipoh, pengedar hanya meletakkan syarat pelanggan

perlu membayar deposit minimum RM500 dan bayaran tempahan serendah RM50 mengikut jenis motosikal.

Pengedar tidak menawarkan rebat kepada pelanggan yang ingin membeli motosikal secara tunai, manakala pembelian secara kredit kadar faedah yang ditawarkan pula sekitar tujuh sehingga 10 peratus menerusi syarikat pembiayaan.

Sementara itu, perkongsian ahli dalam grup telegram pemimat skuter ADV150

mendedahkan, ada dalam kalaangan mereka terpaksa menunggu tiga bulan untuk mendapatkan jentera yang dibeli secara tunai, selain ada yang bertanya di mana lokasi untuk membeli secara tunai.

Kebanyakan mereka sependapat, harga yang tinggi dan melebihi RRP dicadangkan pengelurnya adalah mainan pengedar motosikal itu semata-mata yang

mau mengaut keuntungan lebih.

Ini kerana walaupun RRP model berkenaan ialah RM11,999 sebelum ditolak duti ek-sais yang dilaksanakan kerajaan mulai awal bulan ini, ada pengedar di ibu kota menjualnya pada harga RM13,800 secara ansuran.

Motosikal model Yamaha Y16ZR antara model yang mendapat permintaan tinggi pengguna.



## Waspada helah sindiket penipuan minta kata laluan



PENGUNA dilingatkan agar tidak memberikan kata laluan perbankan internet bagi mengelak menjadi mangsa tlipu. - GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) mengesahkan beberapa takтик yang digunakan scammer bagi memperdaya mangsa di negara ini.

SKMM dalam kenyataannya berkata, ia melibatkan usaha menipu orang ramai agar menerahkan maklumat peribadi seperti nama dan kata laluan akaun perbankan internet.

"Pengguna menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) atau mana-mana aplikasi seperti WhatsApp menerupai pesanan daripada pihak bank yang menyatakan berlaku transaksi ke-wangan mencurigakan, menge-

mas kini atau mengaktifkan semula akaun perbankan internet.

"Pengguna kemudian diminta melayari pautan laman sesawang palsu yang diberikan atau diminta menghubungi talian hotline palsu yang diberikan," katanya di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, laman sesawang palsu itu kemudian memerlukan pengguna memasukkan nama dan kata laluan perbankan internet atau diminta memuat turun dan memasang aplikasi palsu dalam fail berformat 'APK'.

"Kombinasi dan variasi helah yang disebutkan turut digunakan

oleh scammer untuk memperdaya dan memperoleh nombor Transaction Authorization Code (TAC) atau One-Time PIN (OTP) daripada pengguna.

"Sehubungan dengan itu, SKMM ingin mengingatkan pengguna agar berwaspada apabila menerima SMS yang menyerupai pesanan daripada pihak bank," katanya.

Pengguna turut dinasihatkan agar tidak melayari dan memberikan maklumat perbankan di mana-mana laman sesawang dengan alamat URL yang mempunyai perbezaan dan variasi dari segi nama, huruf dan ejaan berbeza dengan laman sebenar.

HARI : SABTU  
TARIKH : 24/4/2021  
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan			
Ayam	RM5.99	Telur Gred A	RM10.35
Daging Lembu Tempatan	RM34	Ikan Kembung	RM8.90
Daging Lembu Import	RM24	Minyak Masak	RM5.30
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM2.50
Bawang Putih	RM4.99	Tepung Candum	RM2.19
Cili Merah	RM6.50		
Kubis Tempatan	RM2.50		
Tepung Candum	RM2.19		

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP